

MASALAH MINYAK IRAN AKAN MEMBAKAR DUNIA?

Masalah minyak di Iran yang dippunyai oleh anggota Iranian Company “yang telah dituntut oleh kerajaan Iran supaya dijadikan hak mutlak negeri Iran ini dari semasa ke semasa, dalam masa ditulis makalah ini, nampaknya semakin hangat kerajaan British yang diberitakan konon-kononnya telah menghantar Angkatan Lautnya dan menyiapkan pasukan payung terjun ini telah disambut oleh umat Iran sebagai suatu langkah paksaan dan maknanya peperangan! Iran nampaknya menentang dan boleh jadi keras dilawannya dengan keras. Sebab-sebabnya tentulah zahir bahwa jika tidak mahu menyerahkan telaga minyak itu kepadanya, Iran menentang dan tentulah ia akan tersedar kepada musuh kerajaan-kerajaan Demokrat yang bersempadan dengannya. Jika berlaku demikian maka akan menyala lagi seuatu medan perang yang kedua sesudah kejadian di Korea! Yang demikian ini adalah menjadi suatu pertanyaan adakah “Minyak di Iran” itu akan menyala membakar dunia pula?

(oleh Ibnu Batutta)

Sejarah pengeluaran minyak di Iran adalah berbalik kepada tarikh 28 Mei 1902 tatkala seorang Inggeris bernama (Walk Darace) mendapat kebenaran daripada kerajaan Iran selama enam puluh tahun. Bolehlah ia mengeluarkan minyak petrol dan menyediakan untuk jualan serta membawanya ke luar negeri termasuk beberapa jenis minyak yang lain di seluruh pemerintahan Iran dikecualikan lima wilayah yang terletak di sebelah utara.

Kerajaan British Campur!

Setelah enam tahun bertungkus lumus mencari maka akhirnya ia bersama-sama konco-konconya mendapat telaga minyak yang diidami itu sedalam 1180 kaki di suatu tempat yang bernama Midlani Tafaturan. Sebaik-baik sahaja minyak telah terpancar maka tertubuhlah syarikat minyak Inggeris – Parsi (sekarang syarikat Inggeris – Iran) lalu direntangkan sebatang saluran yang mengalirkan minyak itu ke “Abadan” dan di bandar ini telah didirikan sebuah kilang pembersih (penapis) minyak.

Dalam tahun 1914 Tuan Winston Churchill menjadi

ketua yang berpengaruh dalam Jabatan Kementerian Angkatan Laut British maka kerana bijaknya ia telah sedarkan kepentingan telaga minyak Iran lalu diikatnya dengan syarikat minyak tersebut suatu perjanjian yang mengkehendaki syarikat itu membekalkan Angkatan Laut British dengan minyak.

Dalam tahun itu juga kerajaan British telah melangkah lebih jauh lagi lalu mencerahkan modal ke dalam syarikat itu sebanyak lima puluh peratus daripada jumlah modalnya. Tidak berapa antaranya, telaga-telaga baharu telah didapati dalam lain-lain kawasan dan semenjak itu syarikat itu makin bertambah penting.

Kerajaan British yang menjadi tuan punya separuh modal syarikat itu telah mulai mencengkam dengan kekuatan siasahnya dan semenjak itu telaga-telaga minyak Iran telah bertukar menjadi punca perbalahan siasah di antaranya dengan kerajaan Iran dan dari masa itulah mulai orang-orang Iran yang berfaham Komunis mencelah ke dalam barisan kaum pekerja syarikat minyak itu lalu mereka menghasut dan terjadilah pemogokan dan perkara yang tidak diingini.

Russia Mcelah!

Kemalangan yang telah menimpa Iran tidak terhenti setakat

itu tetapi bertambah pahit.

Beruang merah yang sedang tersengat dengan hebatnya di utara
telah terus dahaga sangat dan sudah tentu dahaganya
tidak akan hilang jika tidak diberi minum minyak petrol!

Iapun menggelisah lalu bergerak perlahan-perlahan dan mulai
menunjukkan taringnya. Akhirnya Iran terpaksa memberi kebenaran
kepadanya supaya ia mencari telaga minyak dalam wilayah-wilayahnya
yang terletak di utara. Kejadian ini berlaku dalam tahun 1948.

Memandang seorang lawan telah turun ke gelanggang maka
orang-orang British pun mulai memikirkan bagaimana mereka
dapat mengalahkan lawannya yang bukan alang kepalang itu.

Setelah terbuka kepada mereka suatu jalan penyelesaian maka
mereka pun mencadangkan kepada Russia hendaklah tiap-tiap kedua
belah pihak

menarik diri
dari seluruh
negeri Iran
dan biarlah
Iran untuk
orang-orang Iran.



“Ayatollah al-Qashani” seorang ulama yang berpengaruh yang menjadi
Yang di-Pertua Parti “Fadian-e Islam” (pertubuhan berani mati).
Sepatah kata yang dikeluarkan akan menjadikan negara Iran sebuah
tasik darah ialah juga pendorong yang kuat yang menghendaki
“Syarikat Minyak Anglo-Iranian dijadikan hak negara.

Persetujuan Didapati.

Orang-orang British dan Amerika telah menarik diri
tetapi Russia hanya telah tersenyum lalu mengangguk-angguk kepala
dengan tidak berundur barang setapak pun!

Tinggallah orang-orang Russian di sana menggerakkan kumpulan-kumpulan
Komunis dan dengan angkara mereka lah terjadi peristiwa
“Azerbaijan”. Mereka juga yang telah memberi sepenuh-penuh
bantuan kepada parti “Tudiah” yang berfaham komunis dan
yang telah memaksa “Qawwam Al-Sultaniah” Perdana Menteri Iran pada
masa itu supaya menandatangani surat perjanjian baharu
berkenaan minyak petrol.

Perdana Menteri Main Kayu Tiga!

Wartawan “Samir Suki” dari syarikat akhbar
“Dar al-Hilal” Mesir yang ia juga seorang pemberita
“United Press” telah menerangkan perkara ini
dengan lebih jelas :

“Sayalah wartawan yang tunggal – kata Samir Suki
– yang telah melihat dengan mata kepala saya akan “Sadchikov”
Duta Russia di Iran sedang keluar dari bilik Perdana
Menteri Iran membawa surat perjanjian minyak yang telah
dimeteraikan pada 12 April 1946. Kejadian ini berlaku
Pada pukul 4 petang. Sepeninggalannya saya pun masuk berjumpa
Perdana Menteri itu lalu bercakap-cakap dengannya kerana saya
memang biasa dan mempunyai perhubungan yang telah mesra dengannya.

“Saya masih ingat perhubungan bahawa ahli siasah yang bijaksana
itu telah membayangkan kepada saya pada hari itu bahawa ia
terpaksa menandatangi surat perjanjian tersebut kerana
itulah sahaja jalan yang tunggal bagi menyelamatkan Iran.
Ia telah bermain kayu tiga kerana hendak menyelamatkan
negeri daripada bencana Russia. Setelah habis masa yang gelap
itu maka Majlis Parlimen Iran telah bersidang pada bulan
Oktober 1947 lalu menolak bentang akan ikatan perjanjian
tersebut!”

Peristiwa yang Menggemparkan

Tuntutan Iran hendak menjadikan “syarikat

Inggeris – Iran” hak negara adalah ibarat letupan
sebutir bom yang telah menggegar kanalan-kanalan siasah,
peperangan dan iktisad di seluruh dunia.

Meletupnya bom ini ialah dalam masa pengubal-pengubal siasah
Barat sedang memikirkan sebenar-benar rancangan yang pernah dirancangankan
di sepanjang-sepanjang sejarah minyak.

Mereka sedang memikirkan telaga-telaga minyak yang di selatan
Iran yang sedang menarik perhatian dunia baharu-baharu ini,
dan mereka sedang mengkaji dengan teliti akan rancangan
hendak merentangkan saluran minyak dari selatan Iran
ke selatan Perancis. Rundingan-rundingan berkenaan rancangan ini
telah pun berjalan di antara orang-orang Inggeris pemegang hak
“syarikat Inggeris- Iran” itu dengan beberapa

Syarikat-syarikat Amerika yang sanggup melaksanakan rancangan
yang besar ini. Dan yang telah pun terlebih dahulu daripada ini
berjaya merentangkan saluran-saluran minyak dari kawasan negara
Arab Saudi hingga ke pantai Lubnan.

Kepentingan rancangan ini rasanya tidak terselindung
daripada sesiapa, kerana biasanya pada masa yang lalu minyak
Iran diangut oleh kapal-kapal minyak dari Teluk Parsi
lalu dibawanya ke Eropah dengan melalui Laut Merah dan
Terusan Suez setelah direntangkan saluran maka minyak itu
pula telah dialirkan melalui negeri Iraq ke negeri Syam
dan dari sana minyak itu diangut oleh kapal-kapal ke pantai-pantai
Eropah. Pada kedua-dua cara pengangutan tersebut
banyak merugikan iktisad berkenaan masa dan perbelanjaan,
dan inilah yang telah mendorong pemodal-pemodal British hendak
menyambung saluran itu dari pantai Lubnan dengan merentangnya
dalam laut Mediterranean ke Eropah.

Tamak Membawa Bencana!

Baharu-baharu ini syarikat Amerika yang mengeluarkan minyak
di negara Saudi telah berjaya mengikat suatu perjanjian



Al-Qashani dalam masa pembuangannya di Beirut dahulu. Di sini kelihatan beliau sedang melawat sebuah sekolah tinggi di sana.

-----*-----*

yang dipersetujui oleh kedua belah dengan membahagi dua
akan keuntungan yang didapat daripada hasil minyak di antaranya
dengan kerajaan Saudi tetapi “Syarikat Minyak Inggeris
-Iran” tidak sanggup menerima seperdua hasil
keuntungan minyak yang didapatinya di Iran dan kerana inilah
telah timbul perbalahan yang berakhir kerajaan Iran telah
mengambil keputusan hendak menjadikan syarikat itu hak
negara.

Patut juga disebut untuk menunjukkan hakikat yang benar
bahawa kerajaan Iran telah mendapat faedah yang besar daripada
syarikat minyak itu. Daripada jumlah pekerja-pekerja yang sebanyak
55,000 yang bekerja di dalamnya maka 50,000 daripada mereka itu
ialah orang-orang Iran. Manakala jumlah gaji yang dibayar
oleh syarikat itu kepada pekerja-pekerjanya lebih daripada semilion
pound sebulan.

Bagaimana Iran Menyelenggarakan Minyaknya?

Setengah orang berpendapat bahawa keputusan Iran
hendak menjadikan perusahaan minyak itu hak negara akan
menjadikan kerajaan Iran menghadapi beberapa kesukaran

yang tidak boleh diperkecilkan yang dikehendaki ia mengatasinya sehingga tindakannya itu mendatangkan faedah yang sebenar-benarnya. Sementelah pula soal ini bukan soal mengeluarkan minyak sahaja tetapi ialah juga bagaimana cara mengangkutnya dan menjualnya. Syarikat-syarikat minyak yang besar di dunia biasanya mempunyai kapal-kapal pengangkut sendiri dan berpengaruh besar dalam seluruh jalan lalu lalangnya. Oleh itu maka kerajaan Iran akhirnya akan terpaksa mengikut perjanjian dengan syarikat-syarikat besar tersebut yang dengannya ia akan dapat menyelenggarakan minyaknya ke seluruh pasar-pasar dunia barat.

Kalau pula Iran hendak menjual minyaknya kepada Russia pun bukan sedikit halangan yang akan merentanginya kerana tak dapat tiada dikehendaki ia merentang saluran-saluran minyak dari selatan Iran ke Russia pada hal segala bukit bukau dan gunung ganang di antara kedua buah negeri itu terlalu sukar dan harus akan menjadi mustahil hendak menembusinya.

Dalam pada itu jangan lupa bahawa besi waja yang daripadanya diperbuat saluran-saluran minyak itu tidak boleh didapati melainkan di Amerika Syarikat, dan kerana inilah Britain telah berunding dengan beberapa syarikat-syarikat Amerika dalam perkara merentangkan saluran-saluran minyak sebagaimana rancangannya yang tersebut di atas itu.

Minyak Timur Tengah Penting!

Keluaran minyak di Timur Tengah terutama di Iran sangat-sangat penting kepada dunia meskipun minyak petrol yang dikeluarkan oleh Amerika sangat besar jumlahnya tetapi telaga-telaga minyak Iran lebih kaya dan melimpah-limpah kandungannya.

Doktor "Ibtariat de Joilo" salah seorang pakar Amerika berkata berkenaan minyak telah membayangkan kepentingan minyak Timur Tengah katanya : "Pusat pengeluaran minyak sedikit demi sedikit akan beralih dari Amerika ke Timur Tengah dan akan berkekalan peralihan itu sehingga akan terhentinya di situ."

Sehingga tahun 1987 telaga-telaga minyak di Amerika

mengeluarkan minyak yang sangat besar jumlahnya dan lebih daripada yang digunakan olehnya, tetapi hajatnya kepada minyak makin sehari makin bertambah besar lebih-lebih lagi tatkala ia hendak membekali Eropah barat sesudah diadakan berbagai-bagai rancangan yang luas yang telah sempurna sekarang untuk menentangi gerak langkah Soviet Russia.

Inilah sebabnya yang mendorong orang-orang American dan rakan-rakan mereka – Inggeris, Perancis dan Belanda kepada mengusahakan minyak Timur Tengah dan menyelenggarakan pengangkutan lalu mereka merentangkan saluran-saluran minyak meredah negara Iraq dan Syria ke pantai Mediterranean. Saluran-saluran ini telah menyelamatkan soal pengangkutan melalui jalan laut yang sepanjang 3,500 batu dari teluk Parsi ke laut Mediterranean. Selain daripada belanja 40,000 dollar yang akan dibayar oleh tiap-tiap sebuah kapal minyak kepada syarikat Terusan Suez.

Bukan Soal Siasah Sahaja!

Di sana ada tiga saluran yang mengalirkan sebahagian besar minyak Timur Tengah ke pantai mediteranian. Pertama, dari negara Saudi ke Lubnan. Kedua, dari "Kirkuk" (di Iraq) ke Turbelas di Suria. Ketiga, dari "Kirkuk" ke Chepa tetapi saluran ini telah terbengkalai semenjak terbit perperangan Palestin. Satu lagi sedang dikerjakan dan hampir siap iaitu dari Kirkuk ke "Baniyas" di utara Turbelas

Pakar-pakar minyak tersebut sedang merancangkan hendak meminta dua saluran lagi. Satu dari "al-Kuwait" ke pantai Mediterranean dan dengan satu lagi dari "Abadan" di teluk Parsi hingga ke Lubnan. Yang akhir ini akan disambungkan dengan melalui dalam laut Mediterranean hendak ke selatan France.

Sebagai menggambarkan bagaimana besar modal yang sedang dicurahkan untuk perusahaan ini – maka saluran yang telah dibina dan direntangkan dari kawasan Saudi hingga ke Lubnan adalah perbelanjaannya sebanyak 516 (lima ratus

Dengan ingatan tulus yang ikhlas mengucapkan

SELAMAT HARI RAYA

S O BAMADHAJ

Singapura dan Johor Bahru

KEDAI BALDU YANG TERKENAL

enam belas) million dolar. Berapa pula belanjanya
disambungkan hingga ke selatan negeri Perancis?

Rasanya tidak akan terselindung dari sesiapa bahawa
soal minyak ini bukanlah soal iktisad semata-mata, bahkan
mengenai siasah, dan perperangan. Angkatan-angkatan tentera zaman
sekarang menggunakan bermilion-milion gelen pada tiap-tiap hari,
Dalam pada itu syarikat-syarikat yang menjalankan perusahaan itu
dikehendaki bercermat daripada menyentuh maslahat negeri tempat ia
menyedut minyaknya, kerana sebarang kesalahan siasah yang dilakukan
olehnya akan menimbulkan peristiwa yang buruk sebagaimana
keburukan yang telah berlaku kepada "syarikat minyak Inggeris-
Iran" yang akibatnya Tuhan sahaja yang akan mengetahuinya!

Bagaimana besar pengaruh minyak Timur Tengah dapat dilihat
daripada jumlah yang dapat dikeluarkan olehnya :

| | | | |
|-----------|--------------|------------|-----|
| Iran | mengeluarkan | 31,800,000 | tan |
| Saudi | " | 27,000,000 | " |
| al-Kuwait | " | 17,200,000 | " |

| | | | |
|---|-------------|-----------|---|
| Iraq | " | 6,000,000 | " |
| Mesir | " | 2,000,000 | " |
| Hasil minyak sedunia dalam masa setahun 1950 ialah: | | | |
| Amerika Syarikat | 270,000,000 | tan | |
| Timur Tengah | 87,000,000 | " | |
| Venezuela (Amerika selatan) | 78,000,000 | " | |
| Russia | 27,000,000 | " | |
| Indonesia | 7,000,000 | " | |

SELAMAT HARI RAYA

S. K. ABDUL RAHMAN

**463, JALAN ALSAGOFF
PONTIAN KECIL, JOHORE.**

Penjual buku-buku, majalah-majalah, kitab-kitab,
barang-barang makanan dan kain-kain.